

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, November 27, 2019 10:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Berpegang Teguh Pada Prinsip, Jurnal Berjaya Diindeks Dalam Q1 Scopus



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 NOVEMBER 2019 / 30 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Ummu Aiman Azmi
Gambar Oleh: Ihsan Dr. Rohail Hassan

BERPEGANG TEGUH PADA PRINSIP, JURNAL BERJAYA DIINDEKS DALAM Q1



SCOPUS

UUM ONLINE: Berpegang pada prinsip 'percaya, fokus, motivasi, sikap yang optimis dan kerja keras' dalam menghasilkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi membolehkan jurnal pensyarah pelawat UUM, Dr. Rohail Hassan diindeks dalam Q1 SCOPUS.

Beliau yang merupakan pensyarah di OYAGSB menghasilkan jurnal bertajuk '*Sustainable Business Practices and Firm's Financial Performance in Islamic Banking: Under the Moderating Role of Islamic Corporate Governance*' bersama tiga lagi penulis dari Universiti Teknologi Petronas (UTP), Perak.

Dr. Rohail berkata, beliau gembira apabila berjaya menghasilkan satu penerbitan penyelidikan yang memanfaatkan dan ia merupakan salah satu pencapaian terbaik sepanjang beliau bergelar pensyarah di UUM.

Menurutnya, sejak menyertai OYAGSB, beliau telah memendam impian untuk melakukan yang terbaik terutama dalam penghasilan dan penerbitan bahan penyelidikan yang akan membantu menyumbang kepada universiti.

"Saya juga berharap untuk menerbitkan penyelidikan berimpak tinggi pada masa hadapan. Sebagai penyelidik, saya turut bekerjasama dengan para penyumbang serata dunia untuk

menerbitkan penyelidikan dalam bidang sains sosial. Sebelum ini, saya telah menerbitkan beberapa artikel dalam 'Impact Factor Journal' dan juga jurnal diindeks SCOPUS.

"Sebagai sarjana, saya sedaya upaya untuk menjalankan penyelidikan berkualiti tinggi untuk kemajuan bidang sains walaupun ramai yang merasakan bahawa menerbitkan satu artikel merupakan perkara paling sukar dalam penyelidikan," katanya.

Dr. Rohail berkata, sepanjang enam tahun pengalaman dalam menghasilkan kajian dan mengajar, beliau telah membuat beberapa pemerhatian terhadap kekurangan dalam penghasilan manuskrip dan proses penyerahan yang biasanya ditolak untuk diterbitkan.

Menurutnya, penulisan jurnal akademik merupakan satu aktiviti persaingan dan penting untuk memahaminya bahawa terdapat beberapa faktor disebalik penolakan.

"Antara panduan yang diharap dapat membantu penyelidik untuk memastikan artikel mereka diterbitkan adalah dengan menetapkan tujuan, tetapkan jenis manuskrip yang akan ditulis (artikel, kertas kajian, dan sebagainya), jangan tergesa-gesa menghantar artikel untuk penerbitan (baca dan semak semula manuskrip) dan pilih penerbitan yang bersesuaian (pemilihan artikel yang tepat boleh membantu meningkatkan peluang penerimaan).

"Selain itu, beri perhatian terhadap matlamat, skop, dan panduan penulis mengenai jurnal sasaran (gaya dan keperluan format jurnal sasaran), beri perhatian kepada struktur penulisan, membuat tanggapan pertama yang baik mengenai tajuk dan abstrak (tajuk yang menarik dan abstrak yang ditulis dengan baik) dan beri manuskrip termasuk tajuk utama, senarai rujukan, jadual dan rajah kepada firma penyuntingan profesional (salah satu sebab utama penolakan ialah penggunaan bahasa yang lemah) serta fahami etika penerbitan untuk mengelakkan sebarang pelanggaran etika," katanya.

Tambah beliau lagi, ketika penyediaan manuskrip, terdapat beberapa prinsip asas yang perlu diketahui iaitu harga hasil kerja sendiri dan tiada resipi rahsia untuk berjaya cuma hanya beberapa peraturan, dedikasi dan kerja keras.

Sementara itu, Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Shahizan Hassan berkata, Dr. Rohail merupakan pensyarah pelawat muda yang baharu dilantik dan mempunyai bakat besar dalam bidang penyelidikan dan penerbitan.

Menurutnya, kejayaan beliau menerbitkan artikel dalam *Jurnal Sustainability* itu amat membanggakan dan menjadi penyuntik semangat kepada pensyarah lain di UUM untuk turut membuat penerbitan dalam jurnal berkualiti tinggi.

"Sebagai sebuah pusat pengajian yang mendapat pengiktirafan antarabangsa, OYAGSB amat menitikberatkan aspek penyelidikan berimpak dan penerbitan berkualiti tinggi. Malahan, sejak awal penubuhan OYAGSB lagi, ke dua-dua aspek ini telah dijadikan asas penting dalam penentuan hala tuju OYAGSB untuk menjadi sebuah pusat pengajian perniagaan pasca siswazah terunggul bukan sahaja di Malaysia, malahan di peringkat Asia.

"Dalam aspek penulisan, OYAGSB telah menetapkan polisi iaitu semua pensyarahnya hendaklah memberi tumpuan kepada penerbitan berkualiti tinggi dalam jurnal-jurnal yang disenaraikan dalam *Academic Journal Guide* (AJG) terbitan *Chartered Association of Business School* atau senarai jurnal dalam ABDC List.

"Sehingga kini, sudah lebih 50 peratus pensyarah OYAGSB telah berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal-jurnal yang disenaraikan dalam AJG ABS Guide tersebut," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.